

Product Disclosure Sheet

Note: Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in Personal Financing Reducing Term Takaful. You should also read the general terms and conditions.

Name of takaful operator:	FWD Takaful Berhad ('the Takaful Operator')
Product name:	Personal Financing Reducing Term Takaful
Master Certificate Owner:	AEON Credit Service (M) Berhad, 199601040414 (412767-V)

1. What is this product about?

Personal Financing Reducing Term Takaful is a single contribution credit-related group family takaful plan that pays your outstanding personal financing in the event of your death or Total and Permanent Disability (TPD). The amount payable is subject to the Reducing Sum Covered as illustrated in the Benefit Illustration.

2. What are the Shariah concepts applicable to this plan?

- **Wakalah:** The contract where the participant appoints the Takaful Operator to manage the Participants' Risk Fund (PRF) and the relevant participants' funds (if applicable) in accordance with Shariah principles as well as agrees to remunerate the Takaful Operator on the pre-agreed basis for the services provided.
- **Tabarru':** Tabarru' is a donation for the purpose of takaful where participants agree to assist each other financially in case of certain defined needs.
- **Ju'alah:** This is the reward to the Takaful Operator for the good performance of the PRF and the relevant participants' funds (if applicable) it manages. For this plan, the Takaful Operator will be rewarded with a 50% share of the distributable surplus from the PRF and the remaining 50% will be distributed to eligible Person Covered.
- **Qard:** An interest-free loan by Takaful Operator to the PRF if it is in deficit. The loan is repayable from the future surplus arising in the PRF.

3. What are the covers/benefits provided?

Personal Financing Reducing Term Takaful provides the following benefits:

Your benefits	
Death benefit	<ul style="list-style-type: none"> ▪ We will pay the Reducing Sum Covered amount as stated in the Takaful Certificate Schedule, to the Master Certificate Owner upon the death of the Person Covered.
Total and Permanent Disability (TPD) benefit	<ul style="list-style-type: none"> ▪ We will pay the Reducing Sum Covered amount as stated in the Takaful Certificate Schedule, to the Master Certificate Owner if the Person Covered suffers a TPD. ▪ The TPD benefit is payable if the Person Covered suffer TPD before their 65th birthday, or end of certificate term, whichever is earlier. ▪ The definition of TPD is provided in your Plan Summary.

Note: Please refer to the Benefit Illustration for the Reducing Sum Covered amount and the duration of takaful coverage for this plan.

4. How much contribution do I have to pay?

- The total contribution due and the certificate terms may vary depending on the underwriting requirements of the takaful operator.
- Contribution duration: Single Contribution at the inception of the certificate.
- Please refer to the Benefit Illustration for the estimated single contribution to be payable.

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- Wakalah fee for the payment of commission / management expenses and any other expenses.
- Single Contribution less wakalah fee is the amount of Tabarru' charge.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure:** You must disclose all material facts and state your age correctly.
- **Free-look period:** If you aren't completely satisfied with your Takaful Certificate Schedule ("certificate") and have yet to make any claims, you have 15 days from the date you receive the certificate to cancel it. The contribution paid less the medical expenses incurred, if any, will be refunded back to you.
- **Early settlement of personal financing:** In the event of early settlement of personal financing, you may surrender your certificate and receive the surrender value amount. Please note that the surrender of certificate will terminate your cover and the amount of surrender value payable is less than the single contribution paid.
- **Deficiency or excess of the amount of takaful benefits:** If there is deficiency between the amount of takaful benefit and personal financing that is not fully paid to Master Certificate Owner, you or your next of kin is required to pay the amount. In the event of an excess, the Master Certificate Owner will pay the difference to you or your next of kin.
- **Termination of certificate:** The certificate shall terminate immediately in the event of any of the following events, whichever occurs first:
 - a) upon full payment of death benefit;
 - b) upon full payment of TPD benefit;
 - c) once the amount of surrender value as stated in the certificate has been paid;
 - d) on expiry date as stated in the certificate; or
 - e) on the date we are told by the Master Certificate Owner or Person Covered to terminate the takaful coverage.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Plan Summary for the full terms and conditions under this certificate.

7. What are the major exclusions under this certificate?

This certificate has certain exclusions, meaning situations where we won't pay any benefit. The exclusions below apply to the benefits under your certificate.

- We will not pay the death benefit if the claim arises from suicide by the Person Covered, within one year from the commencement date as stated in the Person Covered's certificate.
This applies regardless of the mental state of the Person Covered. If this happens, we will pay the surrender values as stated in the Person Covered's certificate.
- We will not pay TPD benefit due to the following causes:

Exclusion	Description
Attempted suicide or self-inflicted act	We will not pay TPD benefit if the claim arises from attempted suicide or an intentional self-inflicted act by a Person Covered within one year from the commencement date as stated in the Person Covered's certificate. This applies regardless of the mental state of the Person Covered.
Unlawful acts	We will not pay TPD benefit if the claim arises because of the Person Covered wilfully participated in an unlawful act, or unlawful failure to act.
War	We will not pay TPD benefit if the claim is a result of an act of war (whether declared or not), coup, revolution, riot, or any similar event.
Pre-existing condition	We will not pay TPD benefit if the TPD occurred is in respect of any condition, disease, illness or injury if there was any manifestation, diagnosis or treatment of such condition, disease, illness or injury before the commencement date as stated in the Person Covered's certificate.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Plan Summary for the full list of limitations and exclusions under this certificate.

8. Can I cancel my certificate?

Yes, you can cancel (terminate) your certificate at any time by giving a written notice to your personal financing provider (AEON Credit Service (M) Berhad) and they will subsequently notify us. If you cancel your certificate, your takaful coverage will cease from the date of certificate cancellation.

9. What do I need to do if there are any changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure all correspondences reach you in a timely manner.

10. Where can I get further information?

- Should you require additional information, you may visit fwd.com.my.
- If you have any enquiries, please contact us at:

FWD Takaful Berhad

(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia.)

Head Office : Level 21, Mercu 2,
No 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur
Service Hotline : 1300 13 7988
Tel : 03-2771 7888
Fax : 03-2710 7800
E-mail : contact.my@fwd.com

We will respond to your query within 3 working days of us receiving it.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

11. Other similar types of cover available

You may check with the financial executive or contact us directly for other similar types of cover currently available.

IMPORTANT NOTICE:

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS CERTIFICATE WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at <<DD/MM/YYYY>>.

Risalah Pemberitahuan Produk

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan Personal Financing Reducing Term Takaful . Anda juga perlu membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.

Nama pengendali takaful:	FWD Takaful Berhad ('Pengendali Takaful')
Nama produk:	Personal Financing Reducing Term Takaful
Pemilik Sijil Induk:	AEON Credit Service (M) Berhad, 199601040414 (412767-V)

1. Apakah produk ini?

Personal Financing Reducing Term Takaful adalah pelan sumbangan tunggal takaful keluarga berkumpulan berkaitan dengan kredit yang menyelesaikan baki pembiayaan peribadi anda sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK). Jumlah yang dibayar tertakluk kepada Jumlah Dilindungi Berkurangan seperti yang dinyatakan di dalam Ilustrasi Manfaat.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai bagi pelan ini?

- **Wakalah:** Kontrak yang mana peserta melantik Pengendali Takaful untuk mengurus Dana Risiko Peserta (DRP) dan dana peserta yang berkaitan (jika berkenaan) berlandaskan prinsip Syariah serta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada Pengendali Takaful seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- **Tabarru':** Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful yang mana peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- **Ju'alah:** Ia adalah ganjaran kepada Pengendali Takaful atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRP dan dana peserta yang berkaitan (jika berkenaan). Bagi pelan ini, Pengendali Takaful akan menerima ganjaran dalam bentuk 50% lebih yang boleh diagihkan daripada DRP dan baki 50% akan diagihkan kepada Orang Dilindungi yang layak.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah oleh Pengendali Takaful kepada DRP sekiranya DRP mengalami defisit. Pinjaman tersebut akan dibayar daripada lebihan akan datang daripada DRP.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Personal Financing Reducing Term Takaful menyediakan manfaat-manfaat di bawah:

Manfaat anda	
Manfaat kematian	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kami akan membayar Jumlah Dilindungi Berkurangan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Takaful, kepada Pemilik Sijil Induk apabila Orang Dilindungi meninggal dunia.
Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kami akan membayar Jumlah Dilindungi Berkurangan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Takaful, kepada Pemilik Sijil Induk apabila Orang Dilindungi mengalami HUPK. ▪ Manfaat HUPK akan dibayar sekiranya Orang Dilindungi mengalami HUPK sebelum ulang tahun kelahiran ke-65 atau tarikh luput sijil, yang mana lebih awal. ▪ Definisi HUPK disediakan di dalam Ringkasan Pelan anda.

Nota: Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk amaun Jumlah Dilindungi Berkurangan dan tempoh perlindungan takaful bagi pelan ini.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

- Jumlah sumbangan yang perlu dibayar dan terma sijil mungkin berubah mengikut syarat pengunderaitan yang ditentukan oleh pengendali takaful.
- Tempoh sumbangan: Sumbangan Tunggal pada permulaan sijil.
- Sila rujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk anggaran sumbangan tunggal yang perlu dibayar.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Yuran wakalah untuk pembayaran komisyen / yuran pengurusan dan perbelanjaan lain.
- Sumbangan Tunggal setelah ditolak yuran wakalah adalah jumlah caj Tabarru'

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- **Kepentingan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta yang material dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan Jadual Sijil Takaful (“sijil”) anda dan anda masih belum membuat sebarang tuntutan, anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh anda menerima sijil ini. Sumbangan yang telah dibayar ditolak sebarang bayaran pemeriksaan perubatan yang ditanggung (jika ada) akan dikembalikan kepada anda.
- **Penyelesaian awal pembiayaan peribadi:** Sekiranya pembiayaan peribadi dilangsaikan lebih awal, anda boleh menyerahkan sijil anda dan menerima jumlah nilai serahan. Sila ambil perhatian bahawa penyerahan sijil akan menamatkan perlindungan anda dan jumlah nilai serahan yang dibayar adalah kurang daripada jumlah sumbangan tunggal yang telah dibayar.
- **Kekurangan atau lebih jumlah manfaat takaful:** Sekiranya terdapat kekurangan antara jumlah manfaat takaful dan pembiayaan peribadi yang tidak dilunaskan kepada Pemilik Sijil Induk, anda atau waris anda perlu menjelaskan jumlah tersebut. Jika terdapat lebih, Pemilik Sijil Induk akan membayar perbezaan tersebut kepada anda atau waris anda.
- **Penamatan sijil:** Sijil akan ditamatkan dengan segera sekiranya berlaku salah satu kejadian berikut, mana-mana yang berlaku terlebih dahulu:
 - a) setelah bayaran penuh manfaat kematian;
 - b) setelah bayaran penuh manfaat HUPK;
 - c) setelah jumlah nilai serahan seperti yang dinyatakan di dalam sijil dibayar;
 - d) pada tarikh tamat seperti yang dinyatakan di dalam sijil; atau
 - e) pada tarikh kami menerima arahan daripada Pemilik Sijil Induk atau Orang Dilindungi untuk menamatkan perlindungan takaful.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ringkasan Pelan bagi terma dan syarat terperinci di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, yang mana manfaat tidak akan dibayar. Pengecualian tersebut terpakai dalam situasi-situasi seperti yang dinyatakan di bawah:

- Kami tidak akan membayar manfaat kematian jika tuntutan yang dibuat berlaku akibat bunuh diri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam sijil Orang Dilindungi. Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi. Jika perkara ini berlaku, kami akan membayar nilai serahan seperti yang dinyatakan di dalam sijil Orang Dilindungi.
- Kami tidak akan membayar manfaat HUPK akibat daripada situasi-situasi di bawah:

Pengecualian	Penerangan
Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan ke atas diri sendiri	Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika tuntutan yang dibuat adalah disebabkan oleh percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri oleh Orang Dilindungi dalam tempoh satu tahun dari tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi. Pengecualian ini terpakai tanpa mengambil kira keadaan mental Orang Dilindungi.
Tindakan menyalahi undang-undang	Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika tuntutan yang dibuat kerana Orang Dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang dengan sengaja atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.
Peperangan	Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika tuntutan yang dibuat adalah akibat tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa kejadian yang sama.
Keadaan sedia ada	Kami tidak akan membayar manfaat HUPK jika HUPK yang berlaku berkaitan dengan sebarang keadaan, penyakit, kesakitan atau kecederaan jika terdapat apa-apa manifestasi, diagnosis atau rawatan untuk keadaan, penyakit, kesakitan atau kecederaan tersebut, sebelum tarikh mula seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil Takaful Orang Dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ringkasan Pelan bagi senarai penuh had dan pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis pemberitahuan kepada penyedia pembiayaan peribadi anda (AEON Credit Service (M) Berhad) dan mereka akan memaklumkan kepada kami. Jika anda membatalkan sijil anda, perlindungan takaful anda akan tamat dari tarikh pembatalan sijil.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, layari laman web fwd.com.my.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

FWD Takaful Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.)

Ibu Pejabat : Tingkat 21, Mercu 2,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur

Talian Khidmat : 1300 13 7988
Tel : 03-2771 7888
Faks : 03-2710 7800
E-mel : contact.my@fwd.com

Kami akan memberi respon berkenaan aduan anda dalam tempoh 3 hari bekerja selepas menerimanya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila semak dengan eksekutif kewangan anda atau terus menghubungi kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan produk ini adalah sah pada <DD/MM/YYYY>.